

Dasar baru koperasi basmi kemiskinan

UM 2 JUL 2002

RAUB 6 Julai — Kerajaan akan melancarkan Dasar Koperasi Negara (DKN) tidak lama lagi dalam usaha menggerakkan dan merangsang kegiatan ekonomi serta membasmi kemiskinan di luar bandar.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam berkata, DKN dijamin dapat memberi manfaat kepada hampir lima juta kepada ahli koperasi di negara ini khasnya di luar bandar untuk bergiat lebih aktif dalam sektor ekonomi serta menambah pendapatan khasnya di luar bandar.

“Draf DKN sudah dimuktamadkan dan akan dibawa ke peringkat jemaah menteri pada minggu depan untuk persetujuan dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena Hari Koperasi Negara pada 21 Julai ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Kecil Getah Daerah Lipis Berhad (Kendali) kali ke-16 di Wisma UMNO Lipis di sini hari ini.

Menurut Kasitah, pengisian DKN adalah untuk menentukan arah tuju koperasi beras-

askan strategi perniagaan yang akan menjadi aset penting dalam menyumbang serta menggerakkan ekonomi di luar bandar.

Katanya, modus operandi DKN dapat membantu kerajaan meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar dan secara langsung membasmi kemiskinan.

“Draf dasar yang bakal dibincangkan peringkat kabinet nanti antaranya memberi fokus kepada bidang baru seperti kesihatan, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan industri pemarkan,” katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Kasitah memberitahu ahli koperasi di seluruh negara kini lima juta orang dengan yuran berbayar mencecah RM4.2 bilion tahun ini.

“Sehingga kini, aset yang terkumpul adalah sebanyak RM18.9 juta dan ini mampu membantu merangsang ekonomi negara,” katanya.

Beliau menasihati ahli lembaga pengarah dapat mengurus koperasi mereka dengan bijak dan perlu berhati-hati ketika membuat pelaburan berisiko tinggi.